


---

Pertandingan Pereka Kraf Muda Barang Kemas adalah inisiatif melestarikan kreativiti dan kemahiran belia dalam seni pertukangan logam halus. Ianya juga merupakan pengiktirafan kepada rekaan dan penghasilan produk yang mempunyai nilai estetika dan komersil. Semoga pertandingan ini menjadi landasan perkongsian kepakaran, kreativiti dan inovasi dalam kalangan semua pihak.



## TERMA dan SYARAT

Warganegara Malaysia.

Berumur **18 tahun hingga 30 tahun**.

Penyertaan adalah secara **individu**.

Penyertaan produk **WAJIB** menerapkan **NILAI-NILAI WARISAN**, sama ada dalam **aspek motif, warna, teknik pembuatan, amalan budaya dan lain-lain**.

Konsep pertandingan adalah - **Reka dan Bina (RENA) - dari konsep ke realiti**.

Pertandingan adalah mereka bentuk dan menghasilkan sebuah **LOKET**.

Pertandingan terbahagi kepada **dua peringkat**.

Penyertaan saringan peringkat pertama perlu menghantar konsep rekaan yang menggunakan bahan mentah **perak (silver)** tidak melebihi **30 gram**.

Penghasilan produk hendaklah menggunakan **kaedah pembentukan tangan** seperti yang termaktub dalam definisi kraf tangan yang digariskan oleh **UNESCO**. Penggunaan perkakasan atau mesin dibenarkan selagi mana pembentukan tangan menjadi **komponen utama** dalam pembuatan produk.

Idea reka bentuk perlulah **asli** daripada peserta dan bukannya hasil tiruan. Walau bagaimanapun, ilham inspirasi daripada produk sedia ada adalah dibenarkan.

Perlindungan idea reka kraf (**Akta Perlindungan Harta Intelek**) adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri.

Produk tidak pernah menerima apa-apa anugerah sebelum ini dari mana-mana pihak atau pertandingan dalam dan luar negara.

Pihak pengajur berhak melantik panel-panel penilai bagi tujuan penilaian produk dan keputusan adalah **muktamad**. Borang yang tidak lengkap dikira **GAGAL**.

Segala kos penyertaan, penghantaran dan pemulangan produk adalah di bawah tanggungan peserta dan bagi peserta yang tidak mendapat tempat dalam pertandingan boleh menuntut produk dalam **masa 30 hari** selepas pengumuman pemenang pertandingan akhir.

Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan termasuklah kos kerosakan atau kehilangan produk sebelum atau selepas penyertaan dan penghantaran produk. Sebarang ganti rugi tidak boleh dituntut daripada pihak pengajur. Produk pemenang tempat pertama hingga tempat ketiga dan lima hadiah sagu hati akan menjadi hak milik pengajur.

Pihak pengajur berhak menolak mana-mana penyertaan atau membatalkan kemenangan sekiranya terdapat bukti pelanggaran syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

## PROSEDUR PERTANDINGAN

### PERINGKAT SARINGAN

Setiap penyertaan perlu mempunyai :

1. Tema
2. Konsep
3. Lukisan Persembahan tiga dimensi. Lukisan Persembahan perlu dibuat di atas **kertas A4**
4. Keterangan produk (350 – 500 patah perkataan)

Penyertaan hendaklah dihantar **sebelum 8/01/2025**.

Peringkat saringan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- a. Kecemerlangan (*Excellence*)
- b. Keaslian (*Authenticity*)
- c. Komersil (*Commercial*)
- d. Persembahan (*Presentation*)



### PERINGKAT AKHIR

Hanya lapan (8) penyertaan yang melepas penilaian di peringkat saringan akan dipilih ke peringkat akhir.



Penyertaan yang terpilih perlu menyiapkan produk loket dalam masa **lapan (8) jam** di Institut Kraf Negara.

Bahan mentah perak (*silver*), perkakasan dan mesin akan disediakan oleh IKN.

Urus setia akan menghubungi peserta sebelum peringkat akhir.

Peringkat akhir akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- a. Ketukangan (*Craftmanship*)
- b. Kelestarian (*Sustainability*)
- c. Inovasi (*Innovation*)
- d. Pembentangan (*Presentation*)


### HADIAH PERTANDINGAN

**TEMPAT PERTAMA RM3,000.00 berserta Trofi & Sijil**

**TEMPAT KEDUA RM2,000.00 berserta Trofi & Sijil**

**TEMPAT KETIGA RM1,000.00 berserta Trofi & Sijil**

**5 HADIAH SAGU HATI RM500.00 berserta Trofi & Sijil**



# BORANG PENYERTAAN

## BUTIRAN PENYERTAAN (Sila isi borang ini dengan huruf besar)

Lekatkan gambar berukuran passport di sini

Nama (Seperti dalam Kad Pengenalan)		
No. Kad Pengenalan		
Alamat Surat - Menyurat		
Poskod	Negeri	
Tel. Pejabat	Tel. Bimbit	
E-mel		

Sila hantarkan borang penyertaan ini bersama konsep dan keterangan rekaan kepada :

### URUS SETIA

Pertandingan Pereka Kraf Muda Barang Kemas  
Pusat Kecemerlangan Kraf  
Institut Kraf Negara,  
No1 KM 20, Jalan Ipoh-Rawang,  
Taman Rekreasi Templer,  
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 603 - 6091 5322  
Fax : 603 - 6092 6072  
[www.ikn.edu.my](http://www.ikn.edu.my)

ATAU E-mel kepada : [coe@kraftangan.gov.my](mailto:coe@kraftangan.gov.my)

Setiap penyertaan yang dihantar akan menerima emel balasan sebagai pengesahan penerimaan secara rasmi daripada urus setia.

### PERTANYAAN :

Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai berikut :

En. Muhamad Azhar Bin Ismail : 017-6364 287  
En. Mohd Noor Irdzany Bin Noh : 019-5599 295

### UNTUK KEGUNAAN RASMI

No. Pendaftaran :

Tarikh Terima :

Diterima oleh :



# **BORANG PENYERTAAN**

Produk perlu menerapkan **NILAI-NILAI WARISAN**, sama ada dalam aspek motif, warna, teknik pembuatan, amalan budaya dan lain-lain

**KETERANGAN REKAAN : (350 - 500 patah perkataan)**  
**(Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya tidak mencukupi)**

